

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	28 AUGUST 2016

# KIT SIANG KECAM

## 'MAHATHIRISME', MUHYIDDIN PALING TERUK

**P**ENASIHAT DAP, Lim Kit Siang pun dua kali lima dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Benarlah, dalam politik segalanya tidak mustahil. Dulu lawan yang pantang ketemu, kini kawan yang tidak ada pantang larang untuk berjumpa.

Selama lebih sedekad, Dr. Mahathir menjadi bahan kecaman Kit Siang. Daripada memanggilnya 'rasis nombor 1' dan membawa segala macam kehancuran kepada rakyat negara ini, sekarang Kit Siang boleh pula duduk semeja dan berjabat tangan dengan Muhyiddin dan Dr. Mahathir kononnya atas satu 'deklarasi' dan 'sepakat'.

Yakni untuk menurunkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak, menumbangkan UMNO dan Barisan Nasional.

Bukan sedikit juga celaan dilemparkan Kit Siang terhadap Muhyiddin yang pasti rekod itu tersimpan dalam diari Muhyiddin termasuk apabila dilabel sebagai 'Menteri Pendidikan paling teruk'.

Berikut kecaman Kit Siang terhadap Dr. Mahathir dan Muhyiddin sebelum ini.

**"Mahathir seorang pemimpin kuku besi dan diktator, hanya kerana kegilaan kuasa dan duit, dia sanggup memperjudikan agama dan bangsa. Itulah Mahathir."**

■ 2 APRIL 2009  
■ Kuala Lumpur.

**"Kesan buruk Mahathirisme paling besar ialah apabila Mahathir sendiri meminggirkan Wawasan 2020 dan dasar Bangsa Malaysia beliau (selain dasar 1Malaysia Najib) dengan menjadi Godfather gerakan Ku Klux Klan Malaysia yang sarat dengan khutbah pemecah belah dan politik kebencian dalam menjuarai ketuanan kaum dan bukannya ketuanan bangsa Malaysia. Ini menghasilkan jurang perkauman paling lebar dalam sejarah Malaysia."**

■ 1 NOVEMBER 2013  
■ Kuala Lumpur.

**"Mahathir mahu saya mati tetapi saya berdoa Mahathir akan hidup sehingga 100 tahun untuk menyaksikan kemerosotan dan berakhirnya Mahathirisme."**

■ 13 NOVEMBER 2013  
■ Kuala Lumpur.

**"Kesan buruk Mahathirisme yang lain, biar saya senaraikan antara yang paling ketara:  
a. Terjejasnya kebebasan badan**

**kehakiman dan prinsip kedaulatan undang-undang.**

**b. Merosotnya keyakinan pihak di dalam dan luar negeri terhadap kecekapan, mutu, profesionalisme dan integriti institusi-institusi negara yang utama.**

**c. Kemerosotan sistem pendidikan yang dulunya bertaraf antarabangsa - di peringkat sekolah rendah, menengah dan pengajian tinggi; dan**

**d. Berleluasanya korupsi, kronisme dan penyalahgunaan kuasa di jabatan politik tertinggi.**

■ 13 NOVEMBER 2013  
■ Kuala Lumpur.

**"Mahathirisme akan terus memberi kesan buruk kepada Malaysia dan tidak akan membantu negara ini mencapai cita-cita untuk menjadi sebuah negara yang rakyatnya bersatu, berjaya, dan berdaya saing di peringkat dunia."**

■ 2 APRIL 2009  
■ Kuala Lumpur

**"Mahathir, pemimpin rasis nombor 1 di negara ini."**

■ SEPTEMBER 2010  
■ Bandar Manjalara.

**"Tan Sri Muhyiddin Yassin merupakan bakal Perdana Menteri dan Timbalan Presiden UMNO paling 'teruk' dalam sejarah Malaysia."**

UM- 28/8/2016  
■ 25 MEI 2011  
■ Kuala Lumpur.

**"Pemimpin apa ini Muhyiddin Yassin? Saya terkejut melihat kenyataan beliau begitu rasis dan juga bapa segala 'gengster' dalam sejarah. Manakan tidak, sekiranya kami kata kami mahu menyerang bangunan UMNO dan PWTC, adakah mereka boleh terima? Muhyiddin sengaja membiarkan anak-anak muda berkelakuan seperti gengster menyerang ibu pejabat DAP."**

■ 23 MEI 2014  
■ Teluk Intan, Perak.

**"Mampukah Muhyiddin melakukan tiga keajaiban pendidikan untuk Malaysia dalam tempoh 13 tahun? Jika direnung, ternyata jolokan "Pelan Pembangunan Pendidikan Ajaib" Muhyiddin adalah agak padan dan bersesuaian."**

■ DISEMBER 2013  
■ Kuala Lumpur.

**"Menteri Pendidikan jenis apa yang kita ada, yang langsung tidak kisah dengan masa depan pendidikan negara sebaliknya lebih berminat dengan agenda peribadi dan politik yang lain, yang pasti semua itu hanya menguntungkan Muhyiddin bukan rakyat Malaysia?"**

■ 14 DISEMBER 2013